

31 DEC 1996

Mahathir-Perutusan

DR MAHATHIR GESA RAKYAT UBAH CARA HIDUP DAN CARA BEKERJA

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat berazam di tahun baru untuk mengubah cara hidup dan cara bekerja mereka untuk memasuki era teknologi maklumat kerana mereka tidak mempunyai pilihan.

"Zaman maklumat akan memaksa kita mengubah cara hidup dan cara bekerja kita," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena Tahun Baru 1997 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia malam ini.

Katanya perubahan corak kehidupan itu akan bermula dengan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebelum ia meluas ke seluruh negara.

Dr Mahathir berkata penguasaan teknologi baru dalam era teknologi maklumat akan membantu meningkatkan pendapatan rakyat dan juga pertumbuhan ekonomi negara.

Koridor seluas 15 kilometer kali 50 kilometer itu, yang meliputi Bandar Putrajaya dan "Bandar Cyber" akan dilengkapi pelbagai infrastruktur komunikasi supaya urusan boleh dibuat melalui multimedia.

Dengan itu kegunaan surat-menyurat dan wang tunai akan dapat dikurangkan. Sebaliknya, segala urusan hidup seharian, pentadbiran kerajaan dan urusniaga dapat dibuat melalui komputer. Demikian juga industri akan menggunakan komputer yang boleh menghubungi seluruh dunia.

"Inilah corak kehidupan yang akan diperkenalkan mula-mula di Koridor Raya Multimedia dan kemudian ke seluruh negara. Ini bermakna cara hidup kita akan bertukar.

"Sama ada kita dapat menyesuaikan diri dengan cara baru ini; sama ada kita akan perolehi kebaikan atau tidak, terpulang kepada kita. Lebih awal kita sesuaikan diri kita, lebih cepat kita pelajari ilmu-ilmu baru ini, lebih baiklah masa depan kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata Malaysia berjaya dalam usahanya menjadi negara industri pembuatan dan kini ia bersiap sedia memasuki zaman teknologi maklumat iaitu zaman pekerja berpengetahuan.

"Apakah dapat kita menguasai maklumat baru dan cara kerja yang tidak lagi memerlukan tenaga dan keringat, tetapi sebaliknya memerlukan pengetahuan? Apakah kita mampu atau tidak?" kata beliau.

Dr Mahathir berkata penguasaan teknologi baru amat penting bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dan menghentikan pergantungan kepada pekerja asing.

Beliau berkata pergantungan kepada pekerja asing tidak sihat kerana ia menyekat peningkatan pendapatan rakyat tempatan.

"Selagi kita terus dengan teknologi lama, selama itulah kita akan ketinggalan sepertimana dahulu kita ketinggalan kerana kita terus dengan menanam padi dan menoreh getah. Hendak tak hendak, kita perlu memasuki alam teknologi maklumat," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menubuhkan banyak universiti dan institusi pendidikan baru dengan menawarkan kursus-kursus teknologi baru ini untuk membolehkan rakyat mempelajarinya.

Katanya tempat kerja juga akan menyediakan peluang latihan bagi petugas berminat.

Perdana Menteri berkata ilmu baru itu bukan sukar diperolehi malah ada rakyat Malaysia daripada semua kaum yang telah dapat menguasai ilmu-ilmu itu sehingga mereka mendahului ramai rakyat negara maju.

"Oleh itu, tidak ada sebab mengapa rakyat Malaysia yang lain tidak boleh menguasai ilmu yang sama ke peringkat yang diperlukan. Yakinlah

kepada kebolehan diri sendiri. Insya-Allah kita akan berjaya," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyentuh usaha membasmi kemiskinan yang kini berjaya dikurangkan kepada 15 peratus daripada lebih 40 peratus.

"Apakah semasa kita ghairah dengan membina bangunan pencakar langit dan menara, lebuh raya ekspres, bandar mewah dan lain-lain, kita pernah mengurangkan usaha kita untuk membasmi kemiskinan?"

"Tidakkah kita wujudkan peluang kerja begitu banyak sehingga kita terpaksa menerima pekerja asing? Bolehkah kita tunggu sehingga kemiskinan hapus sama sekali sebelum kita mengindahkan bandar-bandar kita, membersihkan longkang-longkang dan menanam pokok-pokok bunga?"

"Kita bukan membina patung untuk memperingati diri kita, bahkan kita tidakpun menamakan tempat-tempat tertentu dengan nama pemimpin tertentu," katanya.

Perdana Menteri turut membidas pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), yang sengaja membuat sesuatu bagi memaksa pasukan keselamatan mengambil tindakan terhadap mereka dan kemudiannya mengecam kononnya negara ini tidak demokratik.

"Janganlah kita jadikan nasib malang orang lain untuk bersandiwara. Ada banyak lagi perjuangan yang serius yang perlu kita perjuangkan tanpa sengaja mengumpan pasukan keselamatan untuk bertindak dan menjadikan negara ini sasaran kutukan oleh pihak tertentu," kata beliau.

Sambil mengingatkan rakyat mengenai pentingnya memelihara perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum, Dr Mahathir berharap semoga tahun 1997 akan merupakan satu lagi tahun yang cemerlang bagi negara.

Perdana Menteri berkata bahawa secara umum negara telah mencapai banyak kejayaan pada tahun 1996 seperti pelancaran Koridor Raya Multimedia, satelit Measat II dan motosikal Kriss, pembelian syarikat kereta sports "Lotus" dan pelantikan anak Malaysia (Tan Sri Razali Ismail) sebagai Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. -- BERNAMA

MOK MAI